dengan menggunakan bahantara sedia ada pada masa tersebut. Ahli sejarah berteori bahawa telah menjadi tabiat manusia merekod cara hidup dan keadaan sekeliling mereka dari sekitar 16000 ke 14000 SM. Ini dibuktikan dengan penemuan catan dinding gua Lascaux, Perancis yang memberi gambaran kehidupan manusia zaman paleolitik pada masa tersebut (ms.13)

Oleh yang demikian visual secara tidak langsung merupakan satu bidang penting dalam lingkungan kemanusiaan dan sains kemasyarakatan yang melibatkan seni dan komunikasi visual yang kuat dan berkesan. Imej sebelum ini telah lama terbukti sebagai satu medium propaganda dalam menjelaskan satu- satu isu muktahir yang melibatkan dunia termasuk Malaya di mana imejan diangkat menjadi senjata *non military* dalam Perang Dunia ke 2 semasa pendudukan Jepun dengan penggunaan figura ilustrasi, kapsyen bahasa melayu dan disulami dengan hadith nabi bagi mewujudkan kepercayaan Masyarakat Melayu kepada tentera imperialis Jepun (Saiful Akram & Sharulnizam, 2017, ms. 43,48,49)

“Kamera pada pendapat saya sentiasa berada di sebelah minda sedar yang bersendirian dan tidak bersenjata, instrumen yang tertonjol pada masa (era) kita” (Agee dan Evans 1941, ms. 11) Pendapat ini menunjukkan bahawa instrumen kamera yang menghasilkan imejan merupakan alatan yang membantu dan memberi suara kepada manusia menerusi mesej yang berupaya menjadi saluran penyampaian.

Pendapat yang hampir serupa terhadap peranan fotografi adalah:



“Fotografi adalah pembawa (pemikiran) utama dan pembentuk modernism.”

(Price dan Wells, 2000, ms. 19)

Karya Huynh Cong Nick Ut, salah seorang jurufoto perang prolific berbangsa Vietnam contohnya telah berjaya menyebabkan protes kepada perang Vietnam yang memuncak di seluruh dunia. Ini disebabkan oleh peristiwa di mana seorang kanak-kanak perempuan bernama Kim Phuc Phan Thi yang terkena Bom Napalm berlari dalam keadaan bogel mencetuskan kesedaran bersifat protes ke atas kekejaman perang dan penggunaan Bom Napalm. Ini sekaligus sedikit demi sedikit menghentikan perang Vietnam dengan penarikan besar- besaran askar Amerika dari misi di Vietnam dan Penggunaan Napalm diharamkan oleh Konvensyen Geneva. Kehebatan gambar ini membolehkan Nick Ut memenangi Anugerah Pulitzer pada tahun tersebut.



Figura 1.1. *Napalm Girl*, 1972, Hyung Cong Nick Ut, *Silver Gelatin*, AFP

Begitu juga dengan karya Steve McCurry bertajuk *Afghan Girl* (1984) yang menjadi simbol kepada kekuatan, dan jerit perih pada akhir abad ke 20. Wajah yang

kotor dan comot serta jubah yang koyak menimbulkan belas kasihan di seluruh dunia sekaligus membantah perang Soviet ke atas Afghanistan. Kecantikan wajahnya juga membuatkan gambar foto ini tidak dapat dilupakan; dengan kekuatan renungan mata hijau yang jernih yang memberi dorongan yang mengubah pandangan dunia barat terhadap dunia gadis tersebut. Berbeza dengan gambar- gambar lain, *Afghan Girl* menjadi pemaknaan kepada warga dunia terhadap era jerit perih dan membuka mata masyarakat terhadap isu- isu negara bermasalah. (Bannon, A., 2002, ms. 12)



Figura 1.2. *Afghan Girl*, 1984, Steve Mc Curry, Cetakan Warna, National Geographic.

Dalam fotojurnalisme konvensional, jurufoto atau perakam visual adalah manusia yang berada di tengah- tengah kejadian atau merupakan orang yang pertama mendapat sumber sah ke atas kejadian itu. Ini menjadikan perakam visual jurnalisme konvensional istimewa di mana mereka merupakan artisan sekaligus saksi ke atas kejadian tertentu.

Ini bertepatan dengan pendapat Natchwey (2001):

“Kerana tidak semua orang dapat ke sana, maka jurufoto perlu ke sana, untuk menunjukkan kepada mereka (masyarakat) dan membuatkan mereka berhenti daripada melakukan aktiviti mereka sebentar dan mengambil perhatian terhadap apa yang sedang berlaku (pada dunia menerusi gambar foto). Untuk memprotes, dan daripada kekuatan protes itu, untuk membuatkan masyarakat protes”.

Kenyataan Natchwey yang dikenali sebagai wartawan foto hebat dekad ini, memberi pencerahan bahawa tanggungjawab wartawan visual adalah untuk pergi ke sesuatu lokasi demi mencari nilai berita dan informasi yang kadangkala isu itu penting tetapi tidak disedari oleh masyarakat massa. Ketinggian nilai visual bukan diukur dengan nilaian wang ringgit, tetapi perbincangan berpanjangan terhadap sesuatu isu itu. Visual yang dibangkitkan kadangkala menjadi dokumentasi sejarah dan menjadi rujukan serta perbincangan analitikal oleh generasi dan sarjana- sarjana yang bakal lahir pada masa akan datang.

Szarkowski (1966) membandingkan seni catan dengan gambar fotografi di mana seni catan adalah seni yang mahal, memilih subjek yang penting dan sangat berharga. Sedangkan fotografi itu murah dan biasa, merekod segalanya dari tingkap kedai, hamparan rumput rumah, binatang peliharaan sehinggakan kepada enjin wap. Tetapi apabila fotografi kekal dan objektif (mempunyai fungsi atau matlamat), abadi dalam sekeping gambar, perkara remeh ini akan menjadi sangat penting. (ms. 7)

Oleh yang demikian, telah dilihat daripada perbincangan ini bahawa visual sangat memberi impak kepada masyarakat. Gambar fotografi sebagai satu genre kesenian visual tidak terkecuali dalam memberi peranan yang penting dalam peristiwa-

peristiwa penting dalam sejarah masyarakat terutama dalam isu sosial, kemanusiaan dan politik. Peranan gambar inilah yang mahu dilihat dan dikaji supaya kita mempelbagaikan kaedah- kaedah dan teknik- teknik terkini dalam cuba merungkai impak imejan dalam masyarakat kita.

1.3 Pernyataan Masalah

Doer, Alice dan Teune (2015) menekankan bahawa kajian gerakan sosial seringkali menekankan teks sebagai sumber kajian seperti temu bual, soalselidik, manifesto, pemberitaan, undang-undang dan laporan rasmi. Cuma bermula 1990an barulah fotografi dipandang serius dengan wujudnya perdebatan teoritikal berkaitan “Kuasa Imejan” dalam konflik politik. Walau bagaimanapun kajian visual dan imejan dalam gerakan sosiopolitik masih lagi kurang diperdebatkan dan metod memahami visual yang kompleks adalah sangat kurang ditekankan oleh ilmuan sedangkan ia mempunyai impak yang besar dan universal, dimana persoalan bagaimana sesuatu budaya dan masyarakatnya berkongsi pemaknaan dalam konteks visual perlu dirungkaikan (ms. xii)

Kenyataan Doer, Alice dan Teune (2015) ini menunjukkan bahawa kajian visual amatlah penting kerana visual memberi impak dan makna yang besar dalam membentuk masyarakat dan budaya. Apabila kajian seumpamanya itu dilakukan oleh saintis sosial, maka mereka hanya bergantung kepada teks dan data serta meminggirkan kepentingan visual dalam membentuk pemikiran masyarakat. Daripada itu, pendapat ahli- ahli visual seperti peseni visual, profesional dalam industri seni visual dan



cendekiawan seni visual amatlah penting dalam memberi input dalam kajian seumpamanya. Artisan visual perlu menceburkan diri dalam kajian sosiopolitik supaya kajian seumpama ini dapat dilihat dari sudut pandang yang berbeza di mana kerumitan dalam memahami aspek estetik dan persepsi dalam visual dapat dirungkai dan diperdebatkan dengan lebih tuntas.

Sekeping gambar tidak dapat lari dari terdedah kepada retorik dan persepsi tanpa batas disebabkan oleh tetapan (*setting*) yang ditentukan oleh aktor politik, pengamal profesional media sosial dan juga masyarakat awam.

Menurut Madestam dan Falkman (2017), berbeza dengan media konvensional di mana sebaran sesuatu isu (sama ada gambar atau teks) adalah melalui tapisan konvensional (editor), media sosial memberi kebebasan kepada ahli politik atau aktor politik untuk menentukan bagaimana imejan mereka ditunjukkan kepada penyokong, pengundi atau masyarakat keseluruhannya. Cara ini tidak disangkal lagi merubah dan memanipulasi metod komunikasi dan pembentukan imej diri dalam kempen politik (ms. 300)

Penggunaan media sosial dalam menyebarluas imejan politik memberi peluang kepada perbincangan estetik disebabkan penyertaan khalayak yang ramai dalam membantu merencanakan hebahan melalui aplikasi *like*, *comment* dan *share*. Imejan memberi retorik yang berpanjangan, malah boleh disimpan, *screenshot*, dan dikongsi dalam pelbagai aplikasi, malah dikorek semula isu- isu lama untuk diputarakan demi memenangi pemikiran khalayak. Ini sekaligus menimbulkan perbincangan malah fenomena ini membentuk penentuan agenda dalam kempen politik. Retorik yang





ditimbulkan menyebabkan pembacaan imej menjadi luas dengan pelbagai tafsiran dibuat oleh pengguna media sosial, sehingga menimbulkan berita palsu, pembohongan, fitnah, pembulian siber dan perbalahan di antara kem- kem politik serta ahli masyarakat keseluruhannya. Menurut Lim (2017), Gerakan Politik BERSIH bermula dengan platform *www.bersih.org* telah menjadi tulang belakang dalam gerakan ini dengan perkongsian melalui blog dan Youtube mengambil tempat dalam perhimpunan pada 2007. Pada 2011 Twitter dan Facebook mengambil tempat sebaran dengan 58000 *tweet* dengan *hashtag* BERSIH dalam masa 6 jam semasa perhimpunan berlangsung, 2000 video YouTube dan 300 Blogspot memainkan isu ini sebaik sahaja protes berlangsung dalam tempoh 24 jam (ms. 212).

Walaupun medium yang digunakan adalah berlainan, matlamat kempen media sosial hampir sama dengan matlamat Hitler (1927) dalam kempen propaganda yang ditulis di dalam *Mein Kampf*:

Tugas pertama dalam mempropaganda adalah untuk memenangi manusia yang boleh menyertai organisasi kita akhirnya. Dan tugas pertama organisasi adalah memilih dan melatih lelaki- lelaki yang berupaya membawa propaganda kita. Tugas kedua organisasi adalah untuk mengganggu aturan sedia ada dan ini akan memberi ruang kepada kemasukan secara halus ajaran baharu yang diperkenalkan (melalui propaganda itu), sementara tugas mempropaganda adalah untuk terus berjuang mempertahankan kuasa, dan ini menjadi penyebab doktrin (kita) akan berhasil dengan jaya di akhirnya.

(Hitler, 1927, ms. 2)





Pembawakan retorik dan estetik melalui gambar di media sosial boleh mempunyai implikasi tertentu yang boleh mendatangkan kebaikan yang besar dan juga keburukan yang dahsyat kepada masyarakat khususnya. Era media sosial memungkinkan para pempropaganda tidak dilatih secara formal seperti mana Hitler melatih para lelaki untuk mencapai tujuan ajaran Fasisme yang dipelopornya. Dunia tanpa sempadan ini melalui minda separa sedar telah membuatkan pengguna media sosial melatih diri mereka sendiri dalam membawa propaganda yang dihidangkan melalui imejan dan teks yang tular di aplikasi- aplikasi media sosial. Semua orang berupaya menjadi pembawa propaganda tanpa mereka sedari kesan dan akibatnya kepada gerakan sosial.

Mutakhir ini, gambar digunakan dalam kempen politik sama ada digunakan sebagai senjata untuk mengangkat tokoh politik atau menjatuhkan mereka. Sebelum Pilihanraya Umum ke 13, tular laporan muka depan Utusan Malaysia bertajuk 'Kontroversi Cincin Rosmah: Beli sendiri guna duit menabung dari kecil' dengan memaparkan gambar Isteri Perdana Menteri berserta cincin disunting menggunakan perisian vektor grafik dimuat naik di sebuah laman web. Utusan Malaysia menafikan laporan dan tularan palsu muka depan akhbar mereka dan membuat repot polis pada 12 Ogos 2011 ("Artikel fitnah: Utusan buat laporan polis", 2011). Isu cincin dan Datin Seri Rosmah Mansur menabung dari kecil ini dimainkan sehingga ke hari ini walaupun telah diketahui bahawa artikel itu adalah fitnah.

Hal yang demikian menunjukkan impak gambar dan peranan visual journalisme dalam membentuk pemikiran masyarakat sekiranya diulangkan dan dimainkan berkali-kali, berita yang tidak benar juga boleh dipercayai dan dianggap benar. Stafford (2016) dalam tulisannya bertajuk "*How liars create the 'illusion of truth'*" memetik perkataan





Pakar Propaganda Nazi, Joseph Goebbels bahawa, “Ulangi pembohongan sekerap mungkin dan ia akan menjadi kebenaran” (*“How liars create the illusion of truth”*, 2016)

Perkara ini adalah satu contoh sahaja bagaimana gambar menjadi bahan penting dalam kempen dan senjata politik kepada pihak- pihak yang bersaing antara satu sama lain. Secara tidak langsung visual mewujudkan perdebatan di kalangan masyarakat sama sehingga melahirkan keresahan dan perang siber di kalangan masyarakat Malaysia.

Kes seperti gambar muka depan palsu Utusan Malaysia seperti di atas merupakan bukti bagaimana imejan figura penting dalam politik Malaysia memberi impak yang sangat besar kepada masyarakat sehingga kajian ini mempunyai signifikan besar untuk dijalankan bagi menunjukkan implikasi- implikasi positif dan negatif kuasa gambar atau visual politik kepada orang awam.

Oleh yang demikian, cadangan kajian ini dibentangkan adalah untuk melihat kuasa imejan dalam sudut pandang sosiopolitik tanahair melalui sosial media di mana ia memberi impak yang besar kepada masyarakat. Kajian ini juga akan melihat kepada fotografi sebagai budaya visual yang tanpa sedar telah dibudayakan oleh masyarakat setiap hari.

Menerusi konteks Malaysia, fotografi menerusi pemerhatian kasar pengkaji tidak diangkat dalam perbincangan seni secara serius tidak seperti yang dibuktikan oleh Barret menerusi Konteks Fotografi yang telah dibincangkan iaitu bagaimana Karya At





The Café ' diangkat sebagai karya penting sepanjang zaman menerusi sumbangan karya tersebut dalam bidang seni halus. Malaysia sering mengangkat karya formalistik seperti seperti karya Eric Paris sebagai suatu seni, sedangkan ada beberapa karya wartawan foto Malaysia telah mencapai tahap seni halus dalam kaedah dan stail menyampaikan yang berbeza. Ini boleh dilihat menerusi karya yang diberikan jolokan Auntie BERSIH, dimana gambar itu menunjukkan seorang wanita tua, Anne Ooi, 65 tahun, disembur air oleh Polis FRU semasa perhimpunan BERSIH 3.0. Gambar ini tular dan menjadi simbol kepada perjuangan kepada penyokong- penyokong BERSIH serta menjadi perdebatan hangat di media sosial. Setiap *frame* di mana gambar wanita tua itu dirakam oleh Hugo Teng boleh didapati di *google image* dengan mudah. Malah penyokong BERSIH menggelarkan Anne sebagai *Lady Liberty* sehinggakan ada yang membuat pelbagai suntingan untuk menggambarkan wanita tua itu sebagai pejuang kebebasan.



Ini bertepatan dengan kajian Konteks Fotografi oleh Barret di mana gambar- gambar yang menjadi peperangan persepsi telah pun diangkat oleh masyarakat barat sejak era moden lagi dalam perbincangan akademik. (*"Aunty Anne, lady of liberty"*, 2011)
<https://uppercaise.wordpress.com/2011/07/10/aunty-anne-lady-of-liberty/>





Figura 1.3. *Auntie Anne, Lady of Liberty*, Hugo Teng, 2011, Fotografi Digital

lompang kajian yang perlu diisi daripada kajian Hagtvedt, Hagtvedt dan Patrick (2008) di mana penilaian seni harus diperbanyakkan dan tidak boleh bergantung hanya dengan kerangka teori tunggal yang dicadangkan oleh mereka sahaja, malah mereka mencadangkan supaya kaedah dalam mencari model- model teori diperkayakan termasuk dengan menggunakan kaedah kualitatif (ms. 212).

Selain itu, kesan gambar atau objek fotografi dalam politik negara yang membawa perdebatan dan keresahan awam perlu dikaji dan implikasi-implikasi terhadap masyarakat perlu dirungkaikan dan ditonjolkan dalam kajian ini. Ledakan media sosial dalam membawa propaganda perlu dititikberatkan dan ditonjolkan menjadikan cadangan kajian ini bersifat kontemporari. Malah kajian berkaitan kesan imejan, propaganda dan kesan fotografi sentiasa relevan sepanjang zaman walaupun



wadah, saluran, *tool* dan trend yang digunakan adalah berbeza dari satu zaman ke zaman yang lain. Menerusi ketiga-tiga sebab ini menunjukkan betapa pentingnya kajian ini perlu dibuat.

1.4 Objektif Kajian

- 1) Menjustifikasikan kaitan di antara Teori Konteks Fotografi dan Teori Penentu Agenda dengan gambar politik semasa Malaysia.
- 2) Membincangkan Hubungkait di antara Konteks Fotografi dan Teori Penentu Agenda Media Sosial.
- 3) Menjelaskan implikasi yang dibawa oleh imejan politik Malaysia berdasarkan teori yang dibincangkan.



1.5 Persoalan Kajian

- 1) Apakah kaitan di antara Teori Konteks Fotografi dan Teori Penentu Agenda dengan gambar politik semasa Malaysia?
- 2) Bagaimanakah hubungkait di antara Konteks Fotografi dan Teori Penentu Agenda Media Sosial dalam perbincangan gambar politik Malaysia terjadi?
- 3) Mengapakah implikasi – implikasi yang dibawa oleh gambar politik sangat signifikan kepada masyarakat Malaysia?



1.6 Kerangka Teoritikal

1.6.1 Pendahuluan

Beberapa kerangka teoritikal yang berpotensi untuk bersesuaian dan boleh dijadikan sandaran akan dipilih dalam melaksanakan kajian ini. Ia akan melibatkan beberapa teori dalam pelbagai disiplin dan bidang yang sering dikaitkan dalam kajian seni. Oleh kerana kajian ini banyak melibatkan unsur- unsur pemaknaan, propaganda dan komunikasi visual, pengkaji mencadangkan teori- teori yang sering digunakan dalam pembacaan gambar dan perungkaian makna. Kajian ini yakin bahawa Teori Konteks Fotografi oleh Barret dan Teori Penentu Agenda dalam bidang komunikasi massa boleh dijadikan panduan.

1.6.2 Kerangka Teori dan Konsep

1.6.2.1 Teori Konteks Fotografi oleh Barret


Kajian ini akan menggunakan Teori Konteks Fotografi sebagai teori utama. Teori ini dipelopori oleh Pengkritik Seni dan Kurator Amerika iaitu Terry Barret pada 1985 dan terus dibincangkan oleh beliau sehingga tahun 2000. Barret (1986) menjelaskan cara melihat fotografi adalah terbahagi kepada 3 iaitu:

Internal context: Pengesanan identifikasi melalui hal benda, bentuk, dan hubungkait antara keduanya. Bagaimana elemen-elemen fizikal gambar memberi kesan kepada hal benda dan memberi ekspresi terhadap gambar.

Original context: Pembacaan gambar foto di luar gambar foto itu sendiri. *Original context* adalah satu pemaknaan metafora di mana sekeping gambar memberi pengertian yang lebih luas dari aspek permukaan gambar itu sendiri secara fizikal atau psikologikalnya ketika mana gambar itu diciptakan termasuk untuk mempertimbangkan niat, penggayaan karya dan latarbelakang jurufoto itu sendiri.

External context: Ini merujuk kepada persekitaran gambar foto itu dipersembahkan. Ini termasuk di mana dan bagaimana ia dipertontonkan, diperolehi, bagaimana imejan difahami oleh penonton yang besar dan di mana ia diletakkan dalam sejarah kesenian. (Barret, 1986, ms. 33- 35)

Konteks Fotografi oleh Barret boleh difahami seperti *Rajah 1.1* seperti dipaparkan di bawah.



Rajah 1.1. Model Konteks Fotografi oleh Terry Barret (2000)



1.6.2.2 Teori Penentu Agenda

Cadangan kajian ini akan mengaitkan di antara dua model teori ini. Seperti yang kita bincangkan di awal tadi, model teori pertama adalah Konteks Fotografi. Teori berikutnya yang ingin dikaitkan adalah Teori Penentu Agenda. Teori Penentu Agenda ini adalah teori komunikasi massa yang amat meluas digunapakai dalam bidang komunikasi.

Rogers, Dearing dan Bregman (1993) menjumpai lebih 200 artikel berkenaan Penentu Agenda bermula daripada tulisan Mc Comb and Shaw pada 1972. Teori ini terus dikembangkan kepada tahun 1977, 1981, 1987 sehingga 1991 setiap satu tahun diterbitkan antara 17 ke 20 penerbitan (Mc Comb dan Shaw, 1993, ms. 59) Penentu Agenda ini secara literalnya adalah perbincangan berkenaan bagaimana media merangsang kesedaran pengguna berkenaan sesuatu isu bergantung kepada kecenderungan setiap media itu sendiri.

Agenda organisasi berita telah jelas kelihatan dalam corak hebahan berkaitan isu awam, pada satu- satu masa, minggu, bulan dan seluruh tahun. Pada ketika- ketika tersebut orang awam dapat melihat sesuatu isu diangkat dan ditekankan, sebahagiannya mendapat hebahan yang hambar, sebahagiannya tidak kelihatan atau tidak diceritakan langsung. (Mc Comb, ms. 2)


Pada awal 3 dekad, kajian penentu agenda ini dipelopori oleh ilmunan dalam bidang politik dan sivik. Pada dekad ini ia telah dikembangkan dalam bidang reputasi




bisnes, berita bisnes, bidang muzium dan agenda kebudayaan (Symeou, Bantimaroudis and Zyglidopoulos, 2013, ms. 3)

Berkaitan dengan cadangan ini, pengkaji melihat Teori Penentu Agenda ini boleh dikaitkan dengan isu seni dan fotografi di mana penerangan berkenaan *At the Café* secara tidak langsung membawa kepada beberapa penentuan agenda berbeza daripada penyampai atau saluran (akhbar dan organisasi) yang berbeza.

Satu teori baharu penentu agenda akan dipilih iaitu Teori Penentu Agenda dalam bidang kesihatan. Albalawi dan Sixsmith (2015, ms. 9-11) telah menjalankan kajian berkenaan eksplorasi dan model adaptasi penentu agenda dalam media sosial berkaitan dengan promosi kesihatan. Dalam kajian ini, mereka menggunakan teori sedia ada oleh Roger dan Dearing. Setelah melakukan pengumpulan data dari Twitter dan juga akhbar-akhbar utama Saudi, mereka mendapatkan keputusan di mana agenda individu dalam sosial media dengan kebersamaan dan meyoriti pendapat dapat mempengaruhi agenda organisasi sama ada di sosial media atau media konvensional. Begitu juga dengan organisasi di mana mereka juga dapat mempengaruhi individu dan tingkahlaku berdasarkan agenda mereka. Agenda individu boleh beraksi secara berseorangan atau berkumpul untuk bersama dalam sesuatu isu, manakala organisasi tetap lebih strategik di mana agenda mereka disusun untuk mempengaruhi minda manusia. Oleh yang demikian, mereka mencadangkan adaptasi model seperti di bawah:



Rajah 1.2. Teori Penentu Agenda Dalam Media Sosial oleh Al Balawi dan Sixsmith (2015)



Rajah 1.3. Teori Penentu Agenda Media Sosial oleh Albalawi dan Sixsmith (2015)

1.7 Kerangka Konseptual


Setelah penghuraian berkenaan dua teori iaitu Konteks Fotografi oleh Barret (2000) dan Teori Penentu Agenda Media Sosial oleh Al Balawi dan Sixsmith (2015) dilakukan, pengkaji mencadangkan sebuah konsep baharu dalam memperkembangkan kedua teori ini untuk diselidik dan dieksplorasi menerusi kaedah temu bual.

Hubungkait kedua- dua teori ini dengan gambar politik Malaysia akan dibincangkan melalui pengumpulan data kualitatif. Daripada perbincangan berkenaan Teori Konteks Fotografi, didapati terdapat unsur penentu agenda dalam penyebaran gambar *At the Café* oleh Doisneau (1958). *At the Café* telah diulas dengan berbeza oleh 3 atau 4 saluran iaitu Majalah *Le Point*, Poster Kempen Anti Alkohol, dan *French Scandal Sheet*. Gambar ini juga diulas oleh John Szarkowski dalam *Looking at Photographs: 100 Picture from The Museum of Modern Art*.



Figura 1.4. *At the Café*, 1958, Robert Doisneau, *Silver Gelatin*, Koleksi Museum of Modern Art (MOMA)

Menerusi perbincangan Barret, adalah diperhatikan terdapat juga unsur- unsur agenda organisasi dalam *Le Point*, Kempen Anti Alkohol dan *French Scandal Sheet* dan agenda individu di kalangan pemerhati yang memberi reaksi terhadap karya Doisneau dan juga pengkritik iaitu Szarkowski sendiri dalam membuat penilaian karya tersebut. Ini adalah dua bentuk penentu agenda yang paling dibincangkan dalam *At the Café*. Daripada ketiga- tiga pembahagian penentu agenda ini, Agenda polisi sahaja tidak dapat dikaitkan dalam kes *At the Café*. Rajah 1.3 adalah bagaimana pengkaji mengaitkan Konteks Fotografi *At the Café* dengan Teori Penentu Agenda.




Rajah 1.4. Andaian Penentu Agenda dari Kes *At the Café*

Pengkaji telah menceritakan tiga Konteks Fotografi oleh Barret, menerusi gambar *At the Café* dan juga teori adaptasi penentu agenda dalam sosial media oleh Al

Balawi dan Sixsmith (2015) dengan kejadian yang berlaku pada 1958 di Kota Paris dalam masyarakat memberi maklumbalas terhadap karya Doisneau. Maka, diperhatikan perbincangan ini menjurus kepada dua teori yang menjadi tunjang dalam cadangan kajian ini bahawa berkemungkinan kita dapat membaca dan memahami gambar politik Malaysia menerusi perbincangan teori Konteks Fotografi dan kita oleh memerhati bagaimana sesuatu gambar boleh mendapat reaksi masyarakat dengan keterlibatan Teori Penentu Agenda Media Sosial. Cadangan kajian ini adalah untuk melihat apakah terdapat kaitan antara kedua- dua teori ini dengan gambar politik yang tular di media sosial.

Selain itu, kajian ini akan melihat bagaimana kepentingan teori- teori seni dalam membaca fenomena yang berlaku dalam masyarakat muktahir ini terutama dalam membuat ulasan terhadap visual. Cadangan kajian ini adalah untuk melihat fenomena sosial menerusi perspektif kesenian melalui teori- teori seni. Gambar rajah di bawah adalah ruang lingkup yang akan dibincangkan dalam kajian ini.



Rajah 1.5. Kerangka Teori Konteks Fotografi dan Adaptasi Penentu Agenda Media Sosial Dalam Isu Gambar Politik Semasa Malaysia

1.8 Kepentingan Kajian

Cadangan kajian ini dijangka dapat memberi beberapa kebaikan. Ia akan memberi kefahaman terhadap kepentingan imejan dalam konteks masyarakat dan negara sama ada kajian ini dapat mencadangkan potensi- potensi dan kebaikan yang dibawa oleh sebuah imejan, ataupun bahaya yang dibawa oleh retorik dan persepsi dalam melihat



dan menilai sekeping gambar. Ini berikutan dengan kemajuan teknologi penyampaian di media sosial yang seringkali membuatkan sesuatu isu disertakan dengan imejan-imejan bagi menentukan agenda pihak- pihak tertentu dan individu sehinggakan menimbulkan keresahan kepada orang ramai.

Oleh yang demikian, kita akan melihat bagaimana teori- teori seni ini boleh melihat kepada isu- isu masyarakat. Bagaimana teori seni dapat merungkai fenomena- fenomena baharu yang berlaku dalam komuniti. Dalam pada itu, dari segi kerangka teori, kajian ini melihat bagaimana Teori Konteks Fotografi dengan Teori Penentu Agenda dalam bidang komunikasi massa ini dapat diperbincangkan dalam bidang seni, yang dijangka akan memberikan sumbangan kepada ilmu baharu dalam penyelidikan seni halus sekiranya perungkaian terhadap dua teori ini dapat dijalankan dengan jelas

dan tuntas.



1.9 Batasan Kajian

Antara batasan kajian yang dikenalpasti adalah kajian ini hanya memfokuskan kepada imejan fotografi sahaja. Kajian ini juga akan melihat kaitan gambar dengan Konteks Fotografi dan Teori Penentu Agenda sahaja. Setiap dapatan hanya akan berlegar- legar dalam kerangka teori yang dicadangkan sahaja. Selain itu kajian ini menjalankan temu bual bersemuka di mana saiz informan adalah kecil iaitu dalam 6 hingga 10 pakar sahaja yang dijangka akan mengambil beberapa persampelan informan yang melibatkan Jurufoto, Aktivis Media Sosial dan Pempropaganda Politik.



1.10 Definisi Operasional

Definisi operasional dapat dijelaskan menerusi jadual di bawah:

Jadual 1.1

Definisi Operasional dan Kaedah Penelitian

Definisi Operasional	Kaedah Penelitian
1.10.1 Konteks Fotografi Terbahagi Kepada 3: <i>Internal context</i> adalah aspek fizikal di dalam gambar ini termasuk benda hal dan bentuk serta setiap perkara yang diletakkan dalam sekeping gambar termasuk aspek teknikaliti, dan elemen- elemen seni yang tertonjol di dalamnya sehingga menimbulkan telahan awal kepada gambar. <i>Original Context</i> pula merupakan penjelasan di luar daripada aspek gambar di mana ia dijelaskan oleh orang- orang tertentu atau ilmuan dalam bidang seni termasuk unsur metafora, pemaknaan sehingga ke latar belakang dan stail jurufoto yang mempamerkan gambar tersebut. <i>External context</i> adalah konteks yang merujuk kepada permainan persepsi akibat gambar yang menyebar luas dan dimaknai oleh populasi yang besar contohnya masyarakat di sesebuah negara atau tempat. (Barret, 2000, ms. 96- 101).	Temuramah separa berstruktur dijalankan: 1. Jurufoto 2. Aktivis Media Sosial atau Blogger 3. Pempropaganda Politik
1.10.2 Media Sosial: Definisi Media Sosial Media Sosial adalah satu saluran internet berkeupayaan tinggi dan servis mobiliti yang membenarkan ramai peserta boleh berkomunikasi secara meluas. Ia melibatkan Blog, Wikis, Social Bookmarking, Laman Rangkaian Sosial, dan servis pengemaskinian status. (Dewing, 2012, ms. 1)	Temuramah separa berstruktur dijalankan kepada: 1. Jurufoto 2. Aktivis Media Sosial atau Blogger 3. Pempropaganda Politik
1.10.3 Penentuan Agenda: Chan (1991, ms. 50) menjelaskan terdapat dua perkara yang dapat dikesani dalam hal penentuan agenda dalam politik Malaysia, pertama parti politik yang menentukan agenda dan kedua, media massa yang menentukan agenda. Teori Penentu Agenda ini secara literalnya adalah perbincangan berkenaan bagaimana media merangsang kesedaran pengguna berkenaan sesuatu isu bergantung kepada kecenderungan setiap media itu sendiri. (Mc Comb dan Shaw, 1993, ms. 59)	Temuramah separa berstruktur dijalankan kepada: 1. Jurufoto 2. Aktivis Media Sosial atau Blogger 3. Pempropaganda Politik

*Ketiga- tiga definisi operasional yang dikenalpasti diteliti melalui temuramah bersemuka separa berstruktur serentak dengan orang yang sama bagi menjelaskan ketiga- tiga isu yang dibawa.